



Headline	Semangat jual nasi lemak		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	11 Mar 2013	Color	Full Color
Section	Variasi	Circulation	324,097
Page No	V7	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	288 cm ²
Journalist	Ruhaiza Rusmin	AdValue	RM 10,637
Frequency	Daily	PR Value	RM 31,910



Semangat jual nasi lemak

Siswa jadi bos tiga kedai milik sendiri

Oleh Ruhaiza Rusmin

ruhaizarusmin@hmetro.com.my

Dulu sewaktu kecil, dia dikenali dengan panggilan 'Adam Penjual Nasi Lemak' kerana sering membawa nasi lemak ke sekolah. Lebih hebat lagi, dia meletakkan bungkusan nasi lemak itu di dalam beg, manakala buku sekolah pula dikendong dengan tangan.

Biar pun tindakan itu mengundang pandangan orang, dia tidak kisah kerana niatnya hanya mahu membantu meringankan bebanan keluarga.

"Itulah memori indah yang tidak dapat saya lupakan hingga sekarang. Malah gelaran diberikan juga sangat manis untuk dikenang.

"Demi membantu ibu, saya sanggup tolak rasa malu biar pun orang akan menoleh dua kali.

"Biar pun beg sekolah berbau sambal, satu kepuasan tidak terhingga apabila jualan saya laris," katanya.

Dari semangat menjual nasi lemak itulah, anak kelima daripada tujuh beradik ini memupuk minat dalam bidang perniagaan.

Selepas meninggalkan

alam persekolahan menengah, hatinya terbuka menceburi bidang perniagaan percetakan ketika melanjutkan pengajian peringkat diploma di Universiti Kuala Lumpur.

Menurutnya, biarpun tanpa pengalaman dan modal, dia sanggup bermula dari bawah dengan membantu seorang rakannya yang mengusahakan perniagaan sama tanpa sebarang gaji.

"Apa yang saya perlukan ketika itu ialah pengalaman dan ilmu. Saya mahu belajar segala selok-belok daripada rakan yang ketika itu masih bergelar pelajar tapi menjadi bos dalam perniagaan sendiri.

"Saya bekerja secara percuma tanpa sebarang runtuatan. Genap dua tahun, baru saya menikmati gaji pertama.

"Sejak itu, saya mula mengumpul modal hingga akhirnya rakan itu mahu menjual perniagaannya pada saya.

"Selepas membuat perbincangan dengan keluarga, saya bersetuju dan kini ber-

gelar bos pada perniagaan sendiri," katanya mengakui cabaran bergelar usahawan muda cukup hebat.

"Yang pertama, kerana orang luar kurang kepercayaan pada usahawan yang bergelar pelajar. Mereka ingat kami akan buat kerja 'main-main'.

"Kedua, kerana beranggapan kami tiada modal, pengalaman atau kabel menyebabkan khuatir menjejaskan reputasi.

"Sedangkan bukan semua begitu. Jangan menilai melalui luaran tapi nilai semangat muda kami," katanya yang turut berpengalaman ditipu, dihalau serta difitnah.

"Mungkin disebabkan umur saya masih muda, ada pihak cuba memperkotak-katikan usaha saya.

"Tapi, saya enggan melatah dan segalanya ditekan dengan perasaan positif. Saya tidak mahu lari daripada masalah sebaliknya cuba menyelesaikannya biarpun sukar," katanya.

Bermula dari sebuah kedai, kini dia boleh berbangga kerana memiliki tiga kedai. Namun, pelajaran tetapi ke-

utamaan.

"Berniaga ini sebagai kerjaya masa depan dan pendedahan manakala ilmu pandum hidup.

"Apa yang saya pelajari di kuliah, dipraktikkan dalam perniagaan, ternyata ia berguna.

"Prinsip saya, semua orang ada 24 jam sehari, terpulung kepada diri sendiri untuk menggunakan tempoh itu mengikut acuan masing-masing," katanya.

Profil



NAMA: Mohd Adam

Mohd Pattali

UMUR: 26 tahun

ASAL: Klang, Selangor

PENGAJIAN: Mengikuti

Ijazah Sarjana Muda

Rekabentuk Interaktif

Multimedia di Universiti

Kuala Lumpur (UniKL).

PENCAPAIAN: Ketua

Pegawai Eksekutif

Republic Photocopy and

Printing, Ahli Lembaga

pengarah Koperasi UniKL

dan Presiden Kelab

Warganegara UniKL.



MOHD Adam usahawan muda yang beritizam tinggi untuk berjaya dalam kehidupan.